

# AI-IMAM JALAL AL-DIN AL-SUYUTI [849H-911H]

Oleh  
Abdul Rashid bin Ahmad\*

## Abstract

*The article discusses the biography of a Muslim scholar known as al-Imam al-Suyuti [849H - 911H] and his contribution to the development of various disciplines as Tafsir al-Qur'an, al-Hadith, Fiqh, History, Arabic Language, Literature and Tasawwuf.*

## SIAPAKAH AL-IMAM AL-SUYUTI?

Al-Imam Jalal al-Din al-Suyuti adalah salah seorang tokoh ulama terkenal terutama dalam bidang tafsir dan *ulum al-Qur'an*. Beliau juga disenaraikan sebagai salah seorang penghafaz dan periwayat hadis Rasulullah s.a.w. yang terkemuka. Selain daripada itu, kehebatannya turut terserlah dalam bidang fekah sebagai salah seorang *faqih* terulung. Di atas penguasaannya dalam bidang-bidang tersebut, lalu beliau digelar sebagai *al-Imam al-Mufassir*, *al-Imam al-Hafiz* dan *al-Imam al-Faqih*.

Al-Imam al-Suyuti tidak sekadar gah dalam bidang keagamaan sahaja, malah tidak kurang juga masyhurnya dalam bidang-bidang lain iaitu bahasa Arab dan sejarah. Kedua-dua bidang ini juga al-Imam al-Suyuti turut mendapat tempat sebagai pakar rujuk. Yang demikian terbukti apabila beliau menghasilkan karya-karyanya yang unggul dalam bidang-bidang berkenaan.

Sebagai contoh; dalam bidang bahasa Arab, lahirnya kitab-kitab: *al-Mazhar*, *al-Iqtirah*, *Ham' al-Hawami'* dan *al-Asybah wa al-Naza'ir*. Sementara dalam bidang sejarah pula, muncul kitab-kitab *tabaqat* dan *tarajum* yang terkenal seperti *Tabaqat al-Mufassirin*, *Tabaqat al-Huffaz*, *Husn al-Muhadarah*, *Tarikh al-Khulafa'*, *Kawkab al-Rawdah* dan *Nazm al-'Uqyan fi A'yan al-A'yan*. Di atas pencapaian inilah beliau

---

\*Pensyarah di Jabatan Al-Qur'an & Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

dianggap sebagai pakar sejarah pada zamannya, bahkan berada di tempat kedua dari kalangan sejarawan Mesir selepas al-Maqrizi.<sup>1</sup>

## NAMA PENUH DAN KETURUNANNYA

Nama penuhnya al-Hafiz Abd al-Rahman bin al-Kamal Abi Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din bin al-Fakhr ‘Uthman bin Nazir al-Din al-Hammam al-Khudayri al-Asyuti.<sup>2</sup> Sementara dalam “*Mu‘jam al-Mu‘allifin*” pengarangnya menambah lagi bahawa beliau adalah al-Tuluni al-Misriy al-Syafi‘iy.<sup>3</sup> Gelarannya adalah Jalal al-Din, manakala *kunyahnya* pula Abu al-Fadl.<sup>4</sup>

Al-Imam al-Suyuti sendiri pernah menyebut bahawa dia berasal daripada keturunan ‘ajam. Katanya: Aku telah diceritakan oleh orang yang aku percayai bahawa beliau pernah mendengar bapaku menyebut bahawa datuknya teratas daripada orang ‘ajam dan berasal dari timur.<sup>5</sup>

Al-Imam al-Suyuti seterusnya menjelaskan kedudukan keturunannya dengan berkata: bahawa datukku teratas adalah Hamam al-Din merupakan seorang *ahli haqiqat* dan salah seorang *syaykh tariqat*. Sementara yang lain-lainnya terdiri daripada orang-orang kenamaan dan berkedudukan tinggi dalam pemerintahan dan ada juga yang menjadi ahli perniagaan. Hanya bapaku sahaja setahuku yang menceburkan diri dalam dunia ilmu dan akademik.<sup>6</sup>

## KELAHIRAN DAN LATAR BELAKANG KELUARGANYA

Al-Imam al-Suyuti dilahirkan di Mahallah Suyut, Kaherah pada masa selepas maghrib malam Ahad bulan Rejab tahun 849H. Beliau dibesarkan dalam keadaan

<sup>1</sup>Mustafa al-Syak‘ah (1981), *Jalal al-Din al-Suyuti*, Kaherah, Matba‘ah Mustafa al-Babi al-Halabi, hlm. Muqaddimah al-Mu‘allif.

<sup>2</sup>Al-Suyuti (1968), *Husn al-Muhadarah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*, Kaherah, Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiyyah, Jld. 1, hlm. 335.

<sup>3</sup>Umar Rida Kahhalah (tt), *Mu‘jam al-Muallifin Tarajum Musannifi al-Kutub al-Arabiyyah*, Beirut, Dar Ihya’ al-Turath al-Arabiyyah, Jld. 5, hlm. 128.

<sup>4</sup>*Ibid.*

<sup>5</sup>Al-Suyuti (1968), *op.cit.* hlm. 336.

<sup>6</sup>*Ibid*, hlm. 335.

yatim setelah bapanya meninggal dunia pada malam Isnin 5 haribulan Safar tahun 855H,<sup>7</sup> iaitu semasa beliau berusia 5 tahun 7 bulan.<sup>8</sup>

Bapanya Abu Bakr bin Muhammad bin Sabiq al-Din terkenal dengan gelaran Kamal al-Din juga dilahirkan di Kota Asyut pada awal kurun kesembilan hijrah iaitu selepas tahun 800H. Kemudian meninggal dunia dalam usia lebih daripada 50 tahun dan beliau adalah seorang *al-'Allamah* dalam berbagai bidang ilmu serta dianggap sebagai *Abu al-Manaqib*.<sup>9</sup>

Semasa berusia dua puluhan, bapanya pernah memegang jawatan sebagai kadi di Asyut. Tidak berapa lama kemudian beliau melepaskannya lalu berpindah ke Kaherah. Di sanalah beliau berguru dengan Syaykh al-Ghayati dalam bidang-bidang Fekah, Usul, Ilmu Kalam, Nahu, 'Irab, Mantiq dan *Ma'ani*. Akhirnya beliau telah diijazahkan untuk mengajar dimana ketika itu umur beliau masih belum genap 29 tahun.

Bapa al-Imam al-Suyuti juga turut mengikuti pengajaran daripada Syaykh al-Islam al-Hafiz Ibn Hajar tentang *ilm al-Hadith*. Mempelajari al-Qur'an dan tajwidnya daripada Syaykh al-Jaylani. Akhirnya beliau mengajar fekah di al-Jami' al-Syaykhukhi dan menyampaikan khutbah jumaat di Jami' Ahmad bin Tulun serta pernah mengimamkan al-Khalifah al-Mustakfi dalam sembahyang.

Bapa al-Imam al-Suyuti telah meninggalkan hasil karyanya dalam bidang-bidang fekah, nahu dan *tasrif*. Antaranya seperti yang berikut:

1. *Hasyiyah 'ala Syarh al-Alfiyah*
2. *Kitab fi al-Qira'at*
3. *Ta'liq 'ala al-Irsyad li Ibn al-Muqri*
4. *Hasyiyah 'ala Adab al-Qada' li al-Ghazzi*
5. *Kitab fi Sina'ah al-Tawqi'*.<sup>10</sup>

Demikianlah latar belakang keluarga al-Imam al-Suyuti yang cukup mulia dengan ketinggian ilmu dan kehebatan peribadi. Suasana dan persekitaran inilah yang mempengaruhi perkembangan hidup al-Imam al-Suyuti dalam mengikuti jejak-jejak

<sup>7</sup>Al-Suyuti (tt), *Nazm al-'Uqyan fi 'Ayan al-'Ayan*, hlm. 95.

<sup>8</sup>Abu al-Falah Abd al-Hayy bin al-'Imad (1351H), *Syadharat al-Dhahab fi Akhbar man Dhahab*, Kaherah, Maktabah al-Qudsi, Jld. 7, hlm. 52.

<sup>9</sup>Al-Suyuti (tt), *Bughyah al-Wu'ah*, Jld. 1, hlm. 472.

<sup>10</sup>Al-Suyuti (1968), *op.cit.* hlm. 188.

bapa dan datuknya sehingga muncul sebagai tokoh ulama pada zamannya.

## SEJARAH PENDIDIKAN DAN PENGEMBARAANNYA MENCARI ILMU

Dalam menelusuri liku-liku sejarah pendidikan dan pengembaraannya dalam menuntut ilmu, ada baiknya kita mengikuti catatan biografinya sendiri dalam kitabnya terkenal “*Husn al-Muhadarah fi Tarikh Misr wa al-Qahirah*”. Di sana beliau menulis katanya:

*“Semasa hidupnya aku dibawa oleh ayahku kepada al-Syaykh Muhammad al-Majzub, beliau adalah salah seorang wali besar yang tinggal bersebelahan dengan al-Masyhad al-Nafisiy. Kemudian beliau mendoakan keberkatan untukku. Selepas itu aku dibesarkan dalam keadaan yatim.*

*Aku telah selesai menghafazkan al-Qur'an dalam usia belum genap lapan tahun, kemudian menghafaz pula kitab al-'Umdah, Minhaj al-Fiqh wa al-Usul dan Alfiyah Ibn Malik. Aku mulai mendalami ilmu pada awal tahun 864H. Aku belajar ilmu fekah dan nahu daripada banyak orang guru. Belajar pula ilmu fara'id daripada ulama besar ketika itu iaitu al-Syaykh Syihab al-Din al-Syarmasahiy yang dikatakan umurnya melebihi seratus tahun. Aku bacakan kepadaanya kitab Syarh al-Majmu', kemudian beliau mengijazahkan aku boleh mengajar bahasa Arab pada awal tahun 866H.*

*Pada tahun inilah aku mulai menulis. Perkara pertama yang aku tulis adalah berkenaan Syarh al-Isti'azah wa al-Basmalah. Kemudian aku bentangkan kepada guru kami Syaykh al-Islam 'Alam al-Din al-Bulqini, lalu beliau menulis pujian atasnya. Aku terus belajar ilmu fekah daripadanya sehingga ia meninggal dunia. Selepas itu aku terus belajar pula kepada anak lelakinya sehingga akhirnya beliau mengijazahkan aku mengajar dan memberi fatwa mulai tahun 876H.*

*Apabila beliau meninggal pada tahun 878H, aku berguru pula kepada Syaykh al-Islam Syaraf al-Din al-Munawiy beberapa ilmu termasuk Tafsir al-Baydawi. Aku belajar al-Hadith dan ilmu bahasa Arab kepada al-Imam al-Allamah Taqy al-Din al-Syibli al-Hanafi selama empat tahun. Kemudian aku belajar pula kepada al-Allamah Ustadh al-Wujud Mahy al-Din al-Kafayaji selama empat belas tahun. Beberapa ilmu aku pelajari daripadanya termasuk tafsir, usul, bahasa Arab, al-Ma'ani dan lain-lain. Akhirnya beliau menulis ijazah besar untukku.*

Selain daripada itu, aku menghadiri pengajaran al-Saykh Sayf al-Din al-Hanafi dalam beberapa ilmu. Aku pernah mengembara ke negeri-negeri Syam, Hijaz (Mekah), Yaman, India, Morocco dan Takrur.

Semasa aku menunaikan ibadat haji, aku minum air zamzam kerana beberapa tujuan, antaranya supaya mencapai darjat al-Saykh Siraj al-Din al-Bulqini dalam bidang fekah, dan mencapai darjat al-Hafiz Ibn Hajar dalam bidang hadis. Akhirnya, aku dikurniakan ilmu secara mendalam sebanyak tujuh ilmu iaitu Tafsir, Hadis, Fekah, Nahu, *al-Ma'ani*, *al-Bayan* dan *al-Badi'*.<sup>11</sup>

## GURU-GURU AL-IMAM AL-SUYUTI

Al-Imam al-Suyuti menghitung bilangan guru-gurunya lebih kurang 150 orang. Di antara mereka itu yang termasyhur adalah seperti yang berikut:

1. Al-Sayykh Syihab al-Din al-Syarmasahi
2. Jalal al-Din al-Mahalli
3. 'Alam al-Din Salih bin Siraj al-Din 'Umar bin Ruslan al-Bulqini
4. Taqy al-Din al-Syumunni
5. Muhy al-Din al-Kafiyaji
6. Abd al-Qadir bin Abi al-Qasim bin Abd al-Mu'ti al-Sa'di al-'Ubbadi
7. Zayn al-Din al-'Uqba
8. Al-Hafiz Ibn Hajar
9. Syams al-Din al-Sirami
10. Syams al-Din al-Mirzabani al-Hanafi
11. Syaraf al-Din al-Munawi
12. Sayf al-Din Muhammad bin Muhammad al-Hanafi
13. Al-'Izz Ahmad bin Ibrahim al-Kinani
14. Majd al-Din Isma'il bin al-Siba'
15. 'Izz al-Din Abd al-'Aziz bin Muhammad al-Miqati

---

<sup>11</sup>Ibid, hlm. 336-338.

16. Muhammad bin Ibrahim al-Diwani
17. Taqy al-Din al-Haskafi
18. Syams al-Din al-Babi
19. Taqy al-Din al-Syibli al-Hanafi
20. Ja‘far bin Ibrahim
21. Al-Imam al-Faqih ‘Izz al-Din Abd al-‘Aziz bin Abd al-Wahid al-Takruri al-Syafi‘i
22. Al-Hafiz Abu al-Fadl Muhammad bin Muhammad al-Hasyimi

Demikianlah sebahagian daripada guru-guru al-Imam al-Suyuti yang masyhur daripada kalangan ulama lelaki. Selain daripada itu, tidak kurang juga guru-guru beliau daripada kalangan ulama wanita (*al-Syaykhat*). Mereka ini terdiri daripada para penghafaz hadis (*al-Huffaz*). Merekalah yang menjadi sebahagian daripada sumber ambilan hadis-hadis oleh al-Imam al-Suyuti baik secara langsung (*musyafahah*) mahu pun secara bacakan kepadanya. Antara mereka yang masyhur adalah seperti yang berikut:

1. Umm al-Fadl bint Muhammad al-Maqdisi
2. Umm Hani’ bint al-Hurayni
3. Umm al-Fadl bint Muhammad al-Misriyyah
4. Khadijah bint Abi al-Hasan bin al-Mulaqqin
5. Fatimah bint ‘Ali bin al-Yasir
6. Nasywan bint Abd Allah al-Kinani
7. Hajar bint Muhammad al-Misriyyah
8. Hajar bint Muhammad al-Maqdisi
9. Amat al-Khaliq bint Abd al-Latif al-‘Uqba - Umm al-Khayr
10. Kamaliyah bint Muhammad bin Abi Bakr al-Mirjani
11. Amat al-‘Aziz bint Muhammad al-Anbasi.

Menurut al-Dawudi, salah seorang murid al-Imam al-Suyuti ketika menulis sejarah hidup para gurunya menyebut bahawa guru-guru al-Imam al-Suyuti yang dia

belajar dengannya, baik secara ijazah, bacaan mahupun mendengarnya adalah seramai 51 orang.<sup>12</sup>

## SITUASI POLITIK SEMASA HIDUP AL-IMAM AL-SUYUTI

Al-Imam al-Suyuti didapati tidak melibatkan diri dalam kancang politik negara pada masa itu, dan sememangnya tidak patut bagi seorang ulama seperti beliau melibatkan diri dalam politik yang sempit skopnya. Lebih-lebih lagi apabila para penguasa dan sultan yang memerintah pada ketika itu sanggup membelinya dengan wang dan harta. Sesungguhnya al-Imam al-Suyuti bukan sahaja tidak terlibat dalam arena politik, malah sama sekali tidak mahu bercampur gaul dengan para sultan yang berkuasa.<sup>13</sup>

Para pengkaji mendapati bahawa seramai tiga belas orang sultan silih berganti menaiki takhta pemerintahan Negeri Mesir sepanjang hayat al-Imam al-Suyuti selama lebih kurang 62 tahun itu.

Seperti mana telah maklum bahawa al-Imam al-Suyuti dilahirkan pada tahun 849H dan meninggal dunia pada tahun 911H. Dalam tempoh itu, al-Imam al-Suyuti sempat berada di bawah pemerintahan al-Malik al-Zahir Jaqmaq yang menaiki takhta mulai tahun 842H hingga 857H. Sultan inilah antara yang paling lama memerintah daripada kalangan *al-Mamatik al-Jarakisah* iaitu selama lima belas tahun. Kemudian naik pula ke takhta pemerintahan al-Sultan al-Asyraf Qayitbay al-Mahmudi mulai bulan Rejab tahun 872H sehingga tahun 901H iaitu selama tiga belas tahun. Selepas itu diganti pula oleh al-Sultan Qansuwan al-Ghuri yang memerintah pertama kalinya selama tujuh bulan setengah iaitu mulai bulan Rabiul awwal tahun 904H hingga bulan Zulhijjah tahun 905H. Tidak lama kemudian sekali lagi baginda berjaya menduduki takhta pemerintahan selama enam belas tahun iaitu mulai bulan Syawal tahun 906H sehingga baginda terkorban dalam perperangan Marj Dabi' semasa memimpin angkatan tenteranya. Bagindalah sultan yang paling lama memerintah dalam masa hidup al-Imam al-Suyuti.<sup>14</sup>

Demikianlah tiga orang sultan yang agak lama memerintah, sementara yang lainnya masing-masing hanya sempat berada di atas takhta pemerintahan sekitar dua bulan sahaja. Antara mereka itu adalah sebagai berikut:

<sup>12</sup>Ibn al-'Imad (1351H), *op.cit*, hlm. 52-53.

<sup>13</sup>al-Syak'ah (1981), *op.cit*, hlm. 43.

<sup>14</sup>*Ibid*, hlm. 44.

- i. Al-Mansur ‘Uthman bin al-Zahir Jaqmaq memerintah selama sebulan setengah.
- ii. Ahmad al-Mu’ayyid bin al-Asyraf ‘Inal al-‘Ala’l memerintah tidak lebih daripada lima bulan.
- iii. Qayitbay al-‘Ala’l yang digelar *al-Zahir* memerintah selama dua bulan.
- iv. Tamr Bagha juga digelar *al-Zahir* memerintah tak sampai dua bulan.<sup>15</sup>

Demikianlah sedikit gambaran tentang situasi politik negara sepanjang hayat al-Imam al-Suyuti. Memang tidak dapat dinafikan bahawa keadaan politik yang tidak stabil dalam sesebuah negara itu turut mempengaruhi kehidupan rakyatnya. Antara golongan rakyat yang menerima kesannya yang agak besar adalah golongan para ulama, dan tentunya termasuk tokoh kita al-Imam al-Suyuti sendiri. Barangkali kegawatan politik seperti itu merupakan salah satu faktor positif bagi kehidupan dan perkembangan ilmu pengetahuan al-Imam al-Suyuti. Justeru kerana itulah yang mendorong beliau untuk mengasingkan diri daripada masyarakat umum dan mengurung diri dalam rumah selama dua puluh dua tahun. Dalam tempoh itulah beliau menghasilkan karya-karya ilmiahnya yang cukup banyak dan bermutu sebagai warisan kepada generasi mendatang.

Namun begitu, selama tempoh lima tahun terakhir daripada hayatnya beliau sempat berada di bawah pemerintahan seorang raja yang baik dan adil iaitu al-Malik al-Azim al-Ghuri yang menaiki takhta pemerintahan melalui pemilihan para ulama Mesir. Baginda dikenali sebagai seorang raja yang baik, cintakan ilmu serta kasihkan para ulama. Semasa pemerintahan bagindalah lahirnya berbagai majlis pengajian yang masyhur di sana sini.<sup>16</sup>

## KEMAJUAN ILMU PENGETAHUAN SEMASA HIDUP AL-IMAM AL-SUYUTI

Walaupun situasi politik negara pada masa itu dilanda pelbagai kegawatan dan keporak-perandaan, namun dari segi perkembangan keilmuan berlaku sebaliknya. Buktinya, sebilangan besar tokoh ulama terkenal muncul dalam berbagai bidang ilmu dengan karya-karya mereka yang masyhur. Antara mereka itu, seperti yang disenaraikan oleh al-Imam al-Suyuti sendiri adalah daripada kalangan guru-gurunya sebelum ini.

<sup>15</sup>Ibid.

<sup>16</sup>Ibid.

Di antara tokoh ulama terkemuka lain yang hidup sekurun dengan al-Imam al-Suyuti adalah sebagai yang berikut:

- i. Al-Allamah Majd al-Din bin al-Fayruz Abadi [729H - 816H].<sup>17</sup> Beliau hidup selama 87 tahun dan antara hasil karyanya yang masyhur ialah *Al-Wajiz fi Lata'if al-Kitab al-Aziz* dalam bidang al-Qur'an, *Tashil al-Wusul 'ila al-Ahadith al-Za'idah 'ala Jami' al-Usul* dalam bidang hadis, *Al-Is'ad 'ila Rutbah al-Ijtihad* dalam bidang fekah, *Al-Qamus al-Muhit* dalam bidang bahasa Arab dan *Tabaqat al-Hanafiyyah*.
- ii. Muhammad bin Abi Bakr al-Ma'ruf bi Izz al-Din bin Jama'ah [759H - 819H]. Beliau juga terkenal pakar dalam beberapa bidang ilmu pada zamannya dan banyak menghasilkan karya-karya dalam bidang *Ulam al-Qur'an, al-Hadith, Fiqh, Nahw, sejarah, sirah* dan perubatan.
- iii. Abu al-Abbas al-Qalqasyandi [756H - 821H]. Beliau adalah seorang ulama Mesir dan tuan punya karya terkenal dalam bidang sastera Arab, sejarah, politik dan kesan purba. Antara karyanya; *Subh al-'Asya fi Sina'ah al-Insya* yang ditulis dalam 14 jilid.
- iv. Taqy al-Din Ahmad bin Ali al-Maqrizi [766H - 845H]. Beliau terkenal dengan hasil karya dalam bidang sejarah iaitu *al-Mawa'iz wa al-'Itibar bi Zikr al-Khutat wa al-Athar* dan *al-Suluk fi Ma'rifah Duwal al-Muluk*.
- v. Syaykh al-Islam Syihab al-Din Ahmad bin Ali bin Hajar al-'Asqalani [773H - 852H]. Antara hasil karyanya yang terkenal ialah *Tahzib al-Tahzib* (12 jilid), *Lisan al-Mizan* (6 jilid), *al-Durar al-Kaminah fi A'yan al-Mi'ah al-Thaminah* (5 jilid) dan *al-Isabah fi Tamyiz al-Sahabah* (4 jilid).
- vi. Jamal al-Din Abu al-Muhasin Yusuf bin Taghri Bardi [813H - 874H]. Salah seorang sejarawan yang terkenal dengan hasil karyanya *al-Nujum al-Zahirah fi Muluk Misr wa al-Qahirah* (12 jilid), *al-Zakhir fi 'Ilm al-Awa'il wa al-Awakhir* dan *Hawadith al-Duhur fi Mada al-Ayyam wa al-Syuhur*.
- vii. Syams al-Din Muhammad bin Abd al-Rahman al-Sakhawi [831H - 902H]. Beliau adalah seorang ulama besar yang meninggalkan hasil

---

<sup>17</sup>Nama lengkapnya: Muhammad bin Ya'qub bin Muhammad bin Ibrahim al-Syirazi al-Fayruz Abadi yang pernah mengembara ke negeri-negeri Syam, Qahirah, Turki, India dan Yaman.

karyanya lebih kurang 200 buah dan beliau juga di antara musuh ketat al-Imam al-Suyuti. Antara karyanya yang masyhur iaitu *al-Daw'* *al-Lami' fi A'yan al-Qarn al-Tasi'* (12 jilid).<sup>18</sup>

Demikianlah sebahagian daripada barisan para ulama terkemuka serta hasil karya mereka yang agung semasa hidup al-Imam al-Suyuti. Dengan itu jelas terbukti bahawa mendung yang menyelubungi dunia politik Mesir pada ketika itu sama sekali tidak memadamkan sinar ilmu para ulama pada zamannya.

## PENENTANG AL-IMAM AL-SUYUTI

Al-Imam al-Suyuti sebagai salah seorang tokoh ulama terkenal pada zamannya telah banyak meninggalkan hasil karya yang bermutu dalam pelbagai bidang ilmu, tentunya boleh menjadi suatu kebanggaan bagi dirinya. Justeru kita mendapati ramai sahabat-sahabatnya apatah lagi murid-muridnya yang menyatakan pujian dan sanjungan terhadapnya. Namun begitu, sebagai manusia biasa beliau juga tidak terlepas dan sunyi daripada kritikan-kritikan para ulama sezaman dengannya, malahan ada yang melemparkan berbagai tuduhan dan kecaman terhadap peribadi, idea pemikiran dan buku-buku tulisannya.

Antara mereka itu adalah seperti yang berikut:

1. Syams al-Din al-Sakhawi<sup>19</sup>
2. Ahmad bin al-Hasan al-Makki al-Ma'ruf bi Ibn al-'Alif
3. Syams al-Din al-Jujari
4. Syams al-Din al-Bani
5. Ahmad bin Muhammad al-Qastalani<sup>20</sup>
6. Burhan al-Din bin al-Kurki.<sup>21</sup>

<sup>18</sup>Al-Syak'ah (1981), *op.cit*, hlm. 49.

<sup>19</sup>Nama penuhnya: Muhammad bin Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Uthman bin Muhammad. Gelaran al-Sakhawi adalah dinisahkan kepada suatu daerah yang bernama Sakha di Kaherah. Beliau dilahirkan di Kaherah pada tahun 831H dan meninggal di Mekah pada tahun 902H.

<sup>20</sup>Nama penuhnya: Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr al-Qutaybi al-Syafi'i, dilahirkan di Kaherah pada tahun 851H dan meninggal tahun 923H.

<sup>21</sup>Nama penuhnya: Ibrahim bin Abd al-Rahman bin Ismail, *kunyahnya Abu al-Wafa'* dan *laqabnya* Burhan al-Din atau Ibn al-Kurki. Beliau meninggal tahun 922H.

## HASIL KARYA AL-IMAM AL-SUYUTI

Sumbangan al-Imam al-Suyuti dalam dunia ilmu amat sukar ditandingi baik daripada segi isi dan mutu karyanya mahu pun segi banyak bilangan buku yang dihasilkannya. Menurut Dr. Mustafa al-Syak'ah, salah seorang penyelidik tentang hasil karyanya, karya-karya al-Imam al-Suyuti yang banyak itu boleh dikategorikan kepada tujuh bidang utama, iaitu *Ulum al-Qur'an wa al-Tafsir*, *Al-Hadith al-Nabawi*, *Al-Fiqh*, *Al-Ulum al-Arabiyyah*, *Al-Tarikh wa al-Tabaqat*, *Al-Adab* dan lain-lain judul kecil.

Berikut disenaraikan nama-nama buku hasil karya beliau mengikut bidang-bidang di atas, iaitu:

### Pertama: Ulum al-Qur'an dan Tafsir

1. Tafsir al-Jalalayn<sup>22</sup>
2. Al-Itqan fi Ulum al-Qur'an
3. Al-Durr al-Manthur fi al-Tafsir bi al-Ma'thur
4. Lubab al-Nuql fi Asbab al-Nuzul
5. Al-'Alfiyah fi al-Qira'at al-'Asyr
6. Al-Tahbir li 'Ilm al-Tafsir<sup>23</sup>
7. Tarjuman al-Qur'an fi al-Tafsir
8. Mutasyabih al-Qur'an
9. Al-Madhab fima Waqa' fi al-Qur'an min al-Mu'arrab
10. Mufhamat al-Aqrان fi Mubhamat al-Qur'an
11. Al-Iklil fi Istinbat al-Tanzil<sup>24</sup>
12. Al-Radd 'ala man Akhlag fi al-Ard
13. Tabaqat al-Mufassirin
14. Mu'tarak al-Aqrان fi Musytarak al-Qur'an

<sup>22</sup>Haji Khalifah, Mustafa bin Abd Allah (1990), *Kasyf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Beirut, Dar al-Fikr, Jld. 3, hlm. 304.

<sup>23</sup>*Ibid*, Jld. 3, hlm. 230.

<sup>24</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 144.

15. Hasyiyah ‘ala Tafsir al-Baydawi
16. Tanasuq al-Durar fi Tanasub al-Suwar
17. Al-Azhar al-Fatihah ‘ala al-Fatihah<sup>25</sup>
18. Majma‘ al-Bahrayn wa Matla‘ al-Badrayn fi al-Tafsir

**Kedua: Hadith dan Ulum al-Hadith**

1. Al-Ahadith al-Munifah fi al-Sultah al-Syarifah<sup>26</sup>
2. Is‘af al-Mubatta’ fi Rijal al-Muwatta<sup>27</sup>
3. Tanwir al-Hawalik fi Syarh Muwatta’ al-Imam Malik
4. Jam‘ al-Jawami‘ atau al-Jami‘ al-Kabir
5. Dhayl al-Jami‘ al-Saghir
6. Al-Jami‘ al-Saghir fi Ahadith al-Basyir al-Nadhir
7. Al-Durar al-Muntathirah fi al-Ahadith al-Musytahirah
8. Al-Khasa’is wa al-Mu‘jizat al-Nabawiyyah
9. Al-Dibaj ‘ala Sahih Muslim bin al-Hajjaj
10. Mirqat al-Su‘ud ila Sunan Abi Dawud
11. Misbah al-Zujajah fi Syarh Sunan Ibn Majah
12. ‘Uqud al-Zabarjad ‘ala Musnad al-Imam Ahmad
13. Zahr al-Ruba ‘ala al-Mujtabi fi Syarh Sunan al-Nasa’i
14. Qut al-Mughtadhi ‘ala Jami‘ al-Tirmidhi
15. Al-Ta‘liqah al-Munifah ‘ala Musnad Abi Hanifah
16. Al-Muntaqi min al-Adab al-Mufrad li al-Bukhari
17. Al-Muntaqi min Sya‘b al-Iman li al-Bayhaqi
18. Al-Madraj ‘ala al-Mudrij

---

<sup>25</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 73.

<sup>26</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 14.

<sup>27</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 85.

19. Siham al-Isabah fi al-Da‘wat al-Mustajabah
20. Al-Rawd al-Aniq fi Musnad al-Siddiq
21. Lubb al-Lubab fi Tahrir al-Ansab
22. Tadkirah al-Mu’tasi fi man Hadath wa nasi
23. Tadrib al-Rawi fi Syarh Taqrib al-Nawawi
24. Lubab al-Hadith
25. Al-Bahr alladhi Zakhar fi Syarh Alfiyah al-Athar
26. Qatr al-Durar
27. Asma’ al-Mudallisim
28. Al-Lumma‘ fi Asma’ man Wada‘
29. Zawa‘id al-Rijal ‘ala Tahdhib al-Kamal
30. Al-Tadhib fi al-Zawa‘id ‘ala al-Taqrib
31. Syadd al-Rihal fi Dabt al-Rijal
32. Tuhfah al-Nabih bi Talkhis al-Mutasyabih
33. Nasyr al-‘Abir fi Takhrij Ahadith al-Syarh al-Kabir
34. Al-Muntaqa (Mu‘jam Saghir fi Syuyukhīh)
35. Hatib Layl wa Jarif Sayl
36. Zad al-Masir fi al-Fahrast al-Saghir
37. Miftah al-Jannah fi al-I‘tisam bi al-Sunnah
38. Al-Ta‘rif bi Adab al-Ta‘lif
39. Al-Kalim al-Tayyib wa al-Qawl al-Mukhtar fi al-Ma‘thur min al-Da‘awat wa al-Adhkar
40. Al-Masabih fi Salat al-Tarawih
41. Manahil al-Safa fi Takhrij Ahadith al-Syifa
42. Ma Rawah al-Asatin fi ‘adam al-Maji’ ila al-Salatin
43. Al-Ta‘zim wa al-Mannah fi anna Abaway al-Rasul fi al-Jannah

44. Al-Ahadith al-Hassan fi Fadl al-Taylasan<sup>28</sup>
45. Al-Azhar al-Mutanathirah fi al-Akhbar al-Mutawatirah<sup>29</sup>
46. Adab al-Futya
47. Al-Musalsalat al-Kubra
48. Jiyad al-Musalsalat
49. Al-Fariq bayn al-Mu'allif wa al-Sariq
50. Al-Khasa'is al-Kubra
51. Muntaha al-Amal fi Hadith 'Innama al-'Amal ...."
52. Natijah al-Fikr fi al-Jahr bi al-Dhikr
53. Al-Lali' al-Masnu'ah fi al-Ahadith al-Mawdu'ah
54. Kasyf al-Talbis 'an Qalb Ahl al-Tadlis
55. Al-Rawd al-Mukallil wa al-Wird al-Mu'allil fi al-Mustalah
56. Al-Alfiyah fi Mustalah al-Hadith
57. Al-Fitasy 'ala al-Qisyasy
58. Taqrrib al-Gharib
59. Tabaqat al-Huffaz
60. Dhayl Tabaqat al-Huffaz li al-Dhahabi
61. Al-Munjam fi al-Mu'jam.

**Ketiga : Fekah**

1. Al-Asybah wa al-Naza'ir
2. Al-Lawami' wa al-Bawariq fi al-Jawami' wa al-Fawariq
3. Al-Azhar al-Ghussah fi Fiqh al-Rawdah
4. Al-Yanbu' fima Zad 'ala al-Rawdah min al-Furu'
5. Tasynif al-Asma' bi Masa'il al-Ijma'

---

<sup>28</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 14.

<sup>29</sup>*Ibid*, hlm. 73.

6. Al-Jami‘ fi al-Fara’id
7. Mukhtasar al-Ahkam al-Sultaniyyah li al-Mawardi
8. Al-Rawd al-Arid fi Tuhr al-Mahid
9. Bulghah al-Muhtaj fi Manasik al-Hajj
10. Al-Qawl al-Musyriq fi Tahrif al-Isytighal bi al-Mantiq
11. Jazil al-Mawahib fi al-Ikhtilaf al-Madhahib
12. Adab al-Futya<sup>30</sup>
13. Ilqam al-Hajr li man Sibab Abi Bakr wa Umar<sup>31</sup>
14. Tabyid al-Sahifah fi Manaqib Abi Hanifah
15. Tazyin al-Mamalik bi Manaqib Malik
16. Al-Hawi fi al-Fatawa
17. Al-Tanbi‘ah bi man Yab‘athuh Allah ‘ala Ra’s Kull Mi‘ah
18. Tabaqat al-Fuqaha’ al-Syafi’yyah
19. Tuhfah al-Mujtahidin fi Asma’ al-Mujaddidin
20. Al-Radd ‘ala man Akhlad fi al-Ard wa Jahil Ann al-Ijtihad fi Kull Asr Fard
21. Al-Insaf fi Tamayiz al-Awqaf<sup>32</sup>
22. Al-Fariq Bayn al-Mu’allif wa al-Sariq
23. Al-Jahr bi Man‘ al-Buruz ila al-Nahr
24. Al-Istinsar bi al-Wahid al-Qahhar
25. Al-Fatasy ‘ala al-Qasyasy
26. Al-Habl al-Wathiq fi Nusrat al-Siddiq
27. Tanzih al-Anbiya‘i ‘an Tasfiyah al-A‘niya’
28. Tadhkirah ulti al-Albab

---

<sup>30</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 43.

<sup>31</sup>*Ibid*, hlm. 158.

<sup>32</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 182.

29. Al-Risalah al-Mustansiriyyah
30. Al-Jawab al-Zakiy ‘an Qumamah bin al-Kurki
31. Al-Yad al-Busta fi al-Salah al-Wusta
32. Tarz al-‘Imamah fi al-Tafriqah Bayn al-Maqamah wa al-Qimamah
33. Al-Dawran al-Falaki fi al-Radd ‘ala al-Sakhawi
34. Miftah al-Jannah fi al-‘Itisam bi al-Sunnah
35. Al-Ta‘rif bi Adab al-Ta‘lif
36. Tanwir al-Halak fi Imkan Ru’yah al-Nabi wa al-Malak<sup>33</sup>
37. Al-Wiyah al-Nasr fi Khasisi bi al-Qasr<sup>34</sup>
38. Masalik al-Hanfa
39. Al-Ta‘zim wa al-Minnah fi ann Abaway al-Mustafa fi al-Jannah
40. Al-Sarim al-Hindi fi ‘Unuq Ibn al-Kurki

**Keempat : Bahasa Arab**

1. Al-Mazhar fi al-Lughah
2. Al-Akhbar al-Marwiyyah fi Sabab Wad‘ al-Arabiyyah<sup>35</sup>
3. Al-Asbah wa al-Naza’ir fi al-Lughah<sup>36</sup>
4. Lam‘ah al-Isyraq fi al-Isytiqaq
5. Al-Muhadhdhab fima Warad fi al-Qur‘an min al-Mu‘arrab
6. Al-Ma‘ani al-Daqiqah fi Idrak al-Haqiqah
7. Ta‘rif al-A‘jam bi Huruf al-Mu‘jam
8. Tahqiq al-Tadmin
9. Huruf al-Hija‘

---

<sup>33</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 194.

<sup>34</sup>*Ibid*, hlm. 159.

<sup>35</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 30.

<sup>36</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 100.

10. Mawdu‘ Mutanathirah fi Kitab al-Kanz al-Madfun
11. Al-Iqtirah fi Usul al-Nahw<sup>37</sup>
12. Jam‘ al-Jawami‘
13. Ham‘ al-Hawami‘ fi Syarh Jam‘ al-Jawami‘
14. Al-Faridah fi al-Nahw wa al-Tasrif wa al-Khatt<sup>38</sup>
15. Al-Nukat ‘ala al-Alfiyah wa al-Kafiyah wa al-Syafiyah wa al-Syuzur wa al-Nuzhah
16. Al-Fath al-Qarib ‘ala Mughni al-Labib
17. Al-Masa‘id al-‘Aliyyah fi al-Qawa‘id al-Nahwiyyah
18. Durr al-Taj fi ‘Irab Musykil al-Minhaj
19. Al-Tawsyih ‘ala al-Tawdih
20. Al-Mawsyih‘ala ‘Ilm al-Nahw
21. Al-Sayf al-Saqil fi Hawasyi Ibn ‘Aqil
22. Syarh al-Qasidah al-Kafiyah fi al-Tasrif
23. Syarh al-Tasrif li Ibn Malik
24. Al-Bahjah al-Mardiyyah fi Syarh Alfiyah Ibn Malik
25. Al-Salsalah
26. Al-Nazm al-Badi‘ fi Madh al-Syafi‘
27. Al-Jam‘ wa al-Tafriq fi Syarh al-Nazm al-Badi‘
28. Fath al-Jalil li al-‘Abd al-Dhalil
29. Risalah fi ‘Ilm al-Khat
30. Kutub al-Aqrān fi Katb al-Qur‘an

**Kelima: Sejarah, Tarajum dan Tabaqat**

1. Husn al-Muhadarah fi Akhbar Misr wa al-Qahirah

---

<sup>37</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 135.

<sup>38</sup>*Ibid*, Jld. 1, hlm. 157.

2. Tarikh al-Khulafa' Umara' al-Mu'minin
3. Tarikh Asyut
4. Al-Syamarikh fi 'Ilm al-Tarikh
5. Tuhfah al-Mudhakarah fi al-Muntaqa min Tarikh Ibn 'Asakir
6. Tuhfah al-Zurfa' fi Asma' al-Khulafa'
7. Al-Muna fi al-Kuna
8. Ma Rawah al-Wa'un fi Akhbar al-Ta'un
9. Tarikh al-Malik al-Asyraf Qayatbai
10. Kitab al-'Umr
11. Al-Kawi fi al-Rad 'ala al-Sakhawi
12. Jami' 'Amru bin al-'As
13. Jami' Ibn Tulun
14. Al-Asas fi Fadl Bani al-Abbas
15. Raf' Ilbas 'an Bani al-Abbas
16. 'Ayn al-Isabah fi Ma'rifah al-Sahabah
17. Tabaqat al-Huffaz
18. Tuhfah al-Mujtahidin fi Asma' al-Mujaddidin
19. Tabaqat al-Mufassirin
20. Tabaqat al-Fuqaha' al-Syafi'iyyah
21. Tabaqat al-Muhaddithin
22. Al-Munjam fi al-Mu'jam
23. Tabaqat al-Usuliyyin
24. Tabaqat al-Kuttab
25. Tabaqat Su'ara' al-'Arab
26. Hilyah al-Awliya'
27. Bughyah al-Wu'at fi Tabaqat al-Nuhat

28. Nazm al-'Uqyan fi 'Ayan al-'Ayan
29. Hatib Layl wa Jarif Sayl
30. Tabyid al-Sahifah bi Manaqib al-Imam Abi Hanifah
31. Tazyin al-Mamalik bi Manaqib al-Imam Malik
32. Zad al-Masir fi al-Fahrast al-Saghir
33. Durr al-Sahabah fiman Dakhla Misr min al-Sahabah
34. Rih al-Nasrin fiman 'Asya min al-Sahabah Mi'ah wa 'Isyrin
35. Al-Muntaqa
36. Asma' al-Mudallisn
37. Turjamah al-Nawawi
38. Turjamah al-Bulqini
39. Is'af al-Mubatta' bi Rijal al-Muwatta'
40. Kasyf al-Niqab 'an al-Alqab.

**Keenam : Sastera Arab**

1. Bahjah al-Khatir wa Nuzhah al-Nazir
2. Kawkab al-Rawdah
3. Rasf al-Al fi Wasf al-Hilal
4. Diwan al-Hayawan
5. Al-Arj fi al-Farj<sup>39</sup>
6. Musytahal al-'Uqul fi Muntaha al-Nuqul
7. Al-Wasa'il fi Ma'rifah al-Awa'il
8. Tuhfah al-Majalis wa Nuzhah al-Majalis
9. Durar al-Kalim wa Ghurar al-Hikam
10. Al-Kanz al-Madfun wa al-Fulk al-Masyhun

---

<sup>39</sup>Ibid, Jld. 1, hlm. 62.

11. Diwan Syi'rih

12. Al-Badi'iyyah fi Madh al-Rasul.

Selain daripada itu, karya-karya al-Imam al-Suyuti juga boleh didapati dalam bidang-bidang lain atau isu-isu tertentu, seumpama bidang tasawuf, perubatan, isu pengharaman Ilmu Mantiq dan sebagainya.<sup>40</sup>

Kesimpulannya, al-Imam al-Suyuti merupakan seorang ulama besar yang meninggalkan hasil karyanya dalam berbagai bidang ilmu.

---

<sup>40</sup>Al-Syak'ah (1981), *op.cit*, hal. 141.